BAB SATU

PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Umat Islam disyariatkan supaya menerima Islam secara keseluruhannya. Menerima keseluruhan Islam bererti mengamalkan apa yang diperintahkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran secara total dan bukannya meninggalkan sebahagian yang lain. Mempercayai keseluruhan isi al-Quran tanpa merasa ragu terhadapnya merupakan petunjuk kebenaran yang sebenar bagi umat yang bertakwa.

Pakej yang dibawa oleh al-Quran adalah lengkap meliputi soal ibadat, munakahat, muamalat, jenayah, akhlak, sosial dan lain-lainya. Soal ibadat misalnya, sudah terdapat ayat yang perlu diikuti oleh sekelian manusia yang berkaitan penggunaan takwim Hijri tetapi masih lagi tidak diamalkan sepenuhnya. Dalam ayat tersebut[1] Allah SWT secara jelas telah menjelaskan bahawa bulan-bulan yang hanya diterima Allah SWT dalam urusan takwim adalah dua belas bulan mengikut ketetapan kiraan bulan[2]. Sungguhpun terdapat ayat di dalam al-Quran tentang

---

[1] Rujuk al-Qur'an (9): 36-37

[2] Kiraan bulan bermaksud kiraan yang dilaksanakan mengikut kiraan bulan Hijri berpandukan bulan semata-mata bukannya bulan Gregory yang dikira berpandukan matahari seperti yang diamalkan sekarang. Sungguhpun kiraan bulan Gregory adalah sama iaitu dua belas bulan seperti yang disebut dalam ayat 36 tersebut, tetapi kiraannya terdapat penambahan dan pengurangan hari yang diharamkan oleh Allah swt seperti yang diterangkan oleh Allah swt dalam ayat 37 yang berikutnya. Lihat Saado'ddin Djambek, *Perbandingan Tarich* (Jakarta: Penerbit Tintamas, 1968).7. Dalam hal ini beliau telah menceritakan dalam abad ke-16 iaitu pada tahun 46 S.M, telah terjadi tahun kekeliruan di mana takwim Gregory yang diamalkan sekarang diubah dan digugurkan hari sebanyak 10 hari. Lihat juga Mohammad Ilyas, *Sistem Kalendar Islam Dari Perspektif Astronomi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999).12-14.

penggunaan takwim Hijri ini, namun masih timbul keraguan pada abad ini tentang penggunaannya walaupun telah diberitahu lebih 1400 tahun yang lalu.

Penggunaan takwim Gregory dalam semua urusan di negara kita pada masa kini adalah rentetan kolonial British ke atas Tanah Melayu sebelum ini. Hal ini kerana mereka hanya mengiktiraf takwim yang digunapakai oleh orang Islam dalam urusan perayaan dan puasa sahaja[3]. Sedar atau tidak sedar, masyarakat Malaysia khususnya telah mengabaikan penggunaan takwim Hijri dalam kebanyakan urusan kehidupan mereka pada hari ini.

Dalam urusan muamalat khususnya ekonomi, negara Malaysia terkenal di serata dunia sedang membangunkan sistem kewangan Islamnya tersendiri yang meliputi perbankan Islam dan takaful. Sistem ini mestilah bebas daripada unsur riba, gharar, judi dan juga haul[4]. Isu haul ini tidak boleh ditinggalkan kerana jika kita meninggalkannya, bermakna kita melupai jasa yang telah dibangunkan umat Islam sebelum ini berkaitan takwim Hijri. Menurut kajian yang dilakukan oleh Tono Saksono[5], beliau telah membuktikan bahawa amalan meninggalkan isu haul ini telah mengakibatkan lebih kurang USD 9 bilion hasil tidak dibayar kepada institusi zakat kerana terdapat perbezaan hari diantara takwim Hijri dan Gregory.

---

[3] Kobkua Suwannathat-Pian, "British Colonial Rule, Japanese Occupation, And The Transformation Of Malay Kingship 1930s-1957," *New Zealand Journal of Asian Studies* 11, no. 1 (2009): 106–131.

[4] Haul di sini bermaksud tempoh setahun dalam kiraan takwim Hijri. Menurut Prof Tono Saksono Isu haul harus diterima oleh semua muslim secara umum. Beliau menggambarkan ketidakterimaan masyarakat muslim terhadap isu ini akan mengakibatkan sistem ekonomi syariah tidak sempurna malah menjadi cacat. Isu penerimaan haul ini telah dibentangkan di hadapan beberapa profesor ekonomi dari Amerika, Eropah, Asia dan Australia dan mendapati isu ini tidak ditolak bahkan diterima oleh mereka dengan baik. Tono Saksono (Prof Madya di Universiti Teknologi Malaysia), dalam temubual bersama pengkaji melalui e-mel, 4 Mac 2014. Lihat juga Tono Saksono dan David Martin, "Undisclosed Potential of Zakat Payment Deficit," (*2nd. Global Islamic Marketing Conference (GIMC)* Abu Dhabi, 17-18 Januari 2012.); Tono Saksono, "An Accurate Calendar For a Flawless Islamic Capital Market," (*The 3rd ISDEV International Islamic Development Management Conference (IDMAC 2009)* USM, 28-29 Oktober 2009).

[5] Ibid.

Selain itu, takwim Hijri juga mempunyai pengaruh yang besar dalam bidang ekonomi khususnya dalam pembayaran gaji. Ini ekoran Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat selaku mantan Menteri Besar Kerajaan Negeri Kelantan pernah mencadangkan pembayaran gaji penjawat awam dibuat berpandukan pengiraan takwim ini[6]. Beliau mendakwa gaji yang diberi mengikut takwim Hijri lebih menguntungkan kakitangan awam dan membangkitkan kembali nostalgia keagungan Islam suatu masa dahulu[7]. Cadangan ini telah sampai ke tahap perlaksanaannya apabila Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK)[8], Ir Abdul Ariffahmi Abdul Rahman mengumumkan akan membayar gaji kakitangan awam pada 25 hb Hijri setiap bulan bermula 25 Rejab 1430 H bersamaan 18 Julai 2009 M. Walaubagaimanapun perlaksanaan ini dilihat terbantut kerana bertentangan dengan peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)[9]. Penggunaan Takwim Hijri ini dilihat suatu usaha yang baik kerana kakitangan awam tersebut akan mendapat lebihan gaji kerana tempoh kiraan takwim Hijri pendek sebelas hari berbanding takwim Gregory selain boleh mengamalkan sunnah Rasulullah SAW[10].

---

[6] Parti Islam Se-Malaysia, "tanpa tajuk," dilihat pada 8 Februari, 2011, http://www.pas.org.my/index.php?option=com_content&task=view&id=1154&Itemid=92.

[7] Harakahdaily, "tanpa tajuk," dilihat pada 16 Februari, 2012, http://www.harakahdaily.net/v2//index.php?option=com_content&task=view&id=15185&Itemid=999 99999.

[8] Utusan Online, "Ikut Sunnah – PMBK," dilihat pada 7 Mac, 2014, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0612&pub=Utusan_Malaysia&sec=Timur&pg=wt_11.htm., lihat juga Harakahdaily, "No Title," dicapai pada 16 Februari, 2012, http://www.harakahdaily.net/v2//index.php?option=com_content&task=view&id=21221&Itemid=96,.

[9] Ibid.

[10] Utusan Online, "Ikut Sunnah – PMBK."

1.2 MASALAH KAJIAN

Industri takaful merupakan industri yang berdaya saing dalam sistem kewangan semasa. Industri ini dilihat mampu memberikan sumbangan yang besar kepada masyarakat terutamanya menerusi produk-produk yang ditawarkan kerana ianya lebih berdaya saing dan mampu menarik minat para pengguna. Kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh institusi takaful adalah setanding dengan sistem konvensional menyebabkan masyarakat sudah mula berminat dengan sistem takaful yang ada[11].

Meskipun takaful dilihat berdaya saing dan mampu manawarkan produk-produk yang boleh menarik minat masyarakat namun masih terdapat beberapa isu dan masalah yang boleh merencatkan perjalanan industri ini. Masih terdapat masalah yang wujud dan berpotensi untuk diketengahkan seperti isu haul dan pembayaran gaji seperti yang disebut sebelum ini. Melihat kepada dua isu ini, maka pengkaji memilih untuk mengkaji masalah kemungkinan penggunaan takwim Hijri dalam industri kewangan Islam khususnya dalam industri takaful am iaitu takaful motor. Isu haul yang berkaitan dengan zakat dan juga isu pembayaran gaji kepada kakitangan awam dilihat sebagai suatu usaha yang baik yang telah dilakukan dalam memartabatkan kembali penggunaan takwim Hijri ini. Jika pembayaran gaji dilihat sebagai suatu proses pemberian duit kerajaan kepada rakyat, bagaimana pula proses pembayaran duit rakyat kepada kerajaan yang diambil melalui pembayaran cukai?. Jika mantan Menteri Besar Kelantan Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat mendakwa membayar gaji menguntungkan penjawat awam, maka tidakkah

[11] Islamic Banking & Finance Institute Malaysia (IBFIM), "tanpa tajuk," dilihat pada 8 Januari 08, 2012, http://www.ibfim.com/index.php?option=com_content&task=blogsection&id=0&limit=10&limitstart=30.

peserta yang membayar wang untuk mendapatkan perlindungan takaful daripada syarikat takaful boleh juga mengurangkan bayaran demi mendapatkan keuntungan?.

Sebagai contoh, jika seseorang peserta takaful menyertai takaful motor dengan menyumbang RM 3 650[12] untuk sebuah kereta dalam setahun Gregory, maka peserta itu juga perlu menyumbang RM 3 540[13] sekiranya menggunakan takwim Hijri. Secara matematiknya akan terdapat lebihan RM 110 dalam setahun. Jika pusingan bulan Hijri itu mengambil masa 10 tahun mengelilingi bumi,[14] maka berapakah yang telah disumbangkan kepada syarikat takaful tersebut?. Jika andaian ini digunakan kepada seorang peserta takaful yang mengambil produk takaful motor, bagaimana pula dengan pengusaha kereta sewa atau pengusaha teksi yang perlu menyumbang lebih banyak wang untuk mendapatkan perlindungan takaful motor untuk kenderaan yang terdapat dalam syarikat mereka?. Tidakkah jurang perbezaan itu bertambah besar dan lebih membebankan mereka?

Hipotesis awal pengkaji tentang perbezaan sumbangan peserta takaful kepada syarikat takaful untuk mendapatkan produk takaful motor diandaikan seperti dalam jadual di bawah ini. Pengkaji mengambil contoh pengiraan pembaharuan takaful motor dan melihat perbezaan diantara takwim Hijri dan Gregory seperti berikut:

---

[12] Jumlah RM 3,650 diambil pengkaji berdasarkan bilangan hari dalam kalendar Gregory iaitu 365 hari setahun. Pengkaji meletakkan jumlah hari selepas menemubual Ketua Pegawai Eksekutif Takaful Ikhlas. Beliau menyatakan pengiraan takaful am termasuk takaful motor dikira berdasarkan jumlah hari. Temubual En. Ab. Latiff bin Abu Bakar (Ketua Pegawai Eksekutif Takaful Ikhlas Sdn. Bhd merangkap Pengerusi Malaysia Takaful Association (MTA), dalam temubual pada 22 Mac 2011.

[13] Jika 3650 mewakili bilangan hari dalam takwim Gregory. Jumlah 3540 pula mewakili bilangan hari dalam takwim Hijri

[14] 10 tahun merujuk kepada peredaran pendek bulan untuk hipotesis pengkaji, Peredaran bulan akan mengambil masa selama 33 tahun untuk menggenapkan pusingan orbitnya mengelilingi bumi. Putaran ini akan meyebabkan musim bersilih ganti antara suatu musim dengan musim yang lain. Lihat AM Molla dan AM Molla, JB Leiper, “Effects on Health of Fluid Restriction During Fasting in Ramadan.,” *European Journal of Clinical Nutrition* 57, no. 2 (Disember 2003): 30–38, doi:10.1038/sj.ejcn.1601899.

Jadual 1.1: Andaian Perbandingan Penggunaan Takwim Hijri dan Gregory dengan Keupayaan Enjin (CC) 1400.

Bilangan			Jumlah sumbangan takaful	Takwim digunakan		Perbezaan
Tahun	Umur langganan	Tahun langganan	Harga Pasaran (RM)	Gregory (RM)	Hijri (RM)	Gregory – Hijri (RM)
(a)	(b)	(c)	(d)	(e)	(f) $=\frac{e}{365} x\ 354$	(g) = $e - f$
1	27	2014	100000	3129.22	3,034.91	94.31
2	28	2015	95000	2986.22	2,896.22	90.00
3	29	2016	90000	2843.22	2,757.53	85.69
4	30	2017	85000	2700.22	2,618.84	81.38
5	31	2018	80000	2557.22	2,480.15	77.07
6	32	2019	75000	2414.22	2,341.46	72.76
7	33	2020	70000	2271.22	2,202.77	68.45
8	34	2021	65000	2128.22	2,064.08	64.14
9	35	2022	60000	1985.22	1,925.39	59.83
10	36	2023	55000	1842.22	1,786.70	55.52
				24857.15	24,108.03	749.12

Sumber: Ubahsuai daripada data Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

Jadual 1.1 di atas menunjukkan dalam tempoh sepuluh tahun, terdapat perbezaan harga sebanyak RM 749.12 seperti dalam lajur (g). Kiraan dibuat dengan mengambil kira kenderaan yang mempunyai nilai keupayaan enjin 1400 CC dan mempunyai nilai perlindungan yang dimulai dengan RM100 000. Jika kenderaan yang mempunyai nilai keupayaan enjin 1400 CC dikenakan sumbangan takaful seperti dalam jadual tersebut, bagaimana pula kenderaan yang mempunyai nilai keupayaan enjin lebih besar?. Walaupun diketahui nilai sesebuah kenderaan akan menyusut tetapi penyusutan itu tidaklah terlalu besar manakala peserta takaful wajib memperbaharui takaful tersebut setiap tahun. Jika diteliti dan diamati, jurang perbezaan tersebut memberikan nilai yang besar dan pengkaji beranggapan wang yang lebih itu boleh digunakan oleh tujuan yang lain dan meringankan sedikit beban peserta takaful.

Pengkaji beranggapan kekurangan 110 hari atau bersamaan lebih kurang 3½ bulan dalam kalendar Gregory merupakan suatu jurang perbezaan yang besar. Dalam tempoh 10 tahun sahaja, seseorang akan membuat lebihan sumbangan untuk mendapatkan perlindungan takaful. Jika dilihat secara kasar sumbangan tersebut boleh dikurangkan memandangkan jumlah hari, jumlah bulan dan tahun adalah tidak sama jika diunjurkan dalam tahun-tahun yang lebih panjang.

Penggunaan takwim Hijri dalam bidang ekonomi ini mempunyai implikasi yang besar terhadap rakyat khususnya peserta takaful. Seperti dimaklumi, negara Malaysia mewajibkan setiap kenderaan yang berada di atas jalanraya mestilah mempunyai cukai jalan dan perlindungan takaful[15]. Justeru suatu kajian ilmiah terhadap kemungkinan penggunaan takwim Hijri dalam industri takaful am, khususnya yang membabitkan kenderaan bermotor wajib dilakukan segera. Jadi berdasarkan beberapa isu dan permasalahan di atas, maka pengkaji mendapati perlu dilakukan kajian tentang kemungkinan penggunaan takwim Hijri ini berikutan potensi, implikasi dan impak besar terhadap industri takaful secara khusus dan penggunaan takwim Hijri secara umum. Maka pengkaji meletakkan beberapa persoalan dan objektif yang akan dicapai di dalam kajian ini.

[15] Kerajaan Malaysia mewajibkan setiap kenderaan mempunyai perlindungan takaful atau insurans. Pilihan kepada salah satu perlindungan tersebut, Perlindungan takaful adalah bersifat islamik manakala insurans adalah perlindungan yang bersifat konvensional.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Merujuk kepada isu dan permasalahan kajian di atas, beberapa persoalan ditimbulkan untuk kajian ini, antaranya;

1.3.1 Bagaimanakah kaedah pelaksanaan perlindungan takaful motor di Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. (TISB)?

1.3.2 Apakah implikasi pelaksanaan takwim Hijri kepada peserta dan syarikat takaful?

1.3.3 Adakah penggunaan takwim Hijri memberikan potensi kepada peserta takaful?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Dalam memastikan kajian ini berjalan lancar dan terpandu, beberapa objektif dikenal pasti supaya kajian ini lebih baik dan objektif boleh dicapai.

1.4.1 Mengenal pasti kaedah pelaksanaan perlindungan takaful motor di Syarikat Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. (TISB).

1.4.2 Menganalisis implikasi pelaksanaan takwim Hijri kepada peserta dan syarikat takaful.

1.4.3 Menganalisis potensi penggunaan takwim Hijri kepada peserta takaful motor.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian penting untuk dilaksanakan adalah berdasarkan beberapa sebab :-

1.5.1 Melihat kepada pentingnya penggunaan takwim Hijri dan kesannya dalam industri takaful

1.5.2 Membuktikan bahawa penggunaan takwim Hijri adalah menjimatkan peserta takaful.

1.6 SKOP KAJIAN

Tajuk yang diutarakan di sini ialah ”Kajian Kemungkinan Penggunaan Takwim Hijri Dalam Industri Takaful Di Malaysia”. Seperti dimaklumi takwim Hijri belum diaplikasi dalam semua produk takaful di Malaysia, justeru skop tajuk yang dikenal pasti di sini ialah berupa kemungkinan penggunaan takwim Hijri dalam produk takaful am berkaitan takaful motor komprehensif yang dijalankan di Takaful Ikhlas Sdn Bhd. (TISB) sahaja. Pemilihan Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. (TISB) dibuat memandangkan institusi tersebut mempunyai produk khusus berkaitan takaful motor komprehensif. Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. (TISB) juga dipilih kerana institusi tersebut menjalankan perniagaan berlandaskan Islam sepenuhnya. Selain itu ianya merupakan sebuah institusi takaful yang menjalankan perniagaan tanpa melibatkan institusi perbankan sebagai pemodal atau pemegang saham seperti syarikat takaful lain yang tersenarai di bawah naungan Bank Negara Malaysia (BNM)[16]. Oleh itu kajian ini

[16] Bank Negara Malaysia, “Senarai Syarikat Insurans & Pengendali Takaful Di Malaysia,” dilihat pada 10 Mac, 2014, http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=li&cat=insurance&type=TKF&lang=bm.

akan mengkhusus kepada analisis produk takaful motor komprehensif membabitkan beberapa kenderaan menggunakan nilai keupayaan enjin (CC).

Kajian ini juga memfokus terhadap ilmu astronomi Islam yang meliputi perbahasan berkaitan amalan penggunaan takwim Hijri dan Gregory. Pengkaji membandingkan takwim Hijri dan Gregory bermula sejak zaman ianya dilaksakanan sehinggalah penggunaannya pada masa kini.

1.7 KAJIAN LEPAS

Kajian dalam bidang takwim ini didapati masih berkurang dan memerlukan maklumat yang banyak dalam menganalisis kajian lepas. Pengkaji akan melihat kepada sumber yang berautoriti dan mempunyai kesahan dalam meneliti bahan bacaan. Walaupun sumber yang diperolehi berkurangan, tetapi pengkaji dapati bahawa terdapat hubungkait dan kesinambungan antara bahan bacaan yang diselidiki dan dilihat dalam menentukan pola penyelidikan ini. Sumber yang berhubungkait tersebut termasuklah kajian berkaitan perbandingan takwim termasuk kajian berkaitan takwim Hijri serta lunar dan juga kesannya terhadap bidang-bidang lain selain takaful. Di samping itu, pengkaji juga merujuk kajian berkaitan takaful serta kewangan Islam itu sendiri.

Dalam membahaskan tentang perbezaan antara takwim Gregory dan takwim Hijri, pengkaji dapati terdapat kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji sebelum ini yang membandingkan antara takwim Hijri dan Gregory. Antara kajian tersebut ialah kajian yang dilakukan oleh Saadoe’ddin Djambek seorang ahli falak yang terkenal di

Sumatera. Beliau telah mengarang buku bertajuk *"Perbandingan Tarich".* Beliau telah membandingkan takwim Hijri, Gregory dan sedikit berkaitan takwim Jawa serta memuat jadual-jadual untuk pemindahan tarikh antara keduanya. Karya lain yang membicarakan tentang tajuk yang sama ialah *"Perbandingan Tarikh Tahun 1800-2001"* dan Takwim *"Urfi Tahun 0 S.D 12,000 M/ 0 S.D 12,400 H"* yang masing- masing dikarang oleh Direktorat Pembinaan Peradilan Agama Indonesia dan K.H Banadji Aqil. Kedua-dua penulis ini mengkaji dari segi perbandingan takwim bermula dari tarikh seperti disebutkan di atas. Kajian dilakukan untuk mencari kaedah perbandingan takwim Masehi kepada takwim Hijri. Ia juga dikaji bagi mengetahui hari dan pasaran.

Terdapat juga kajian lain yang membahaskan tentang perbezaan antara takwim Hijri dan Gregory ini. Kajian tersebut adalah berkisar tentang asas, hukum, dan kesannya dalam menentukan kelahiran Nabi Isa AS sama ada dilahirkan dalam musim sejuk atau musim panas. Antara kajian tersebut ialah *Bayān Khata' al-Ta'rīkh al-Mīlādiy Wa al-Ithbāt 'Anna* ‘*Isa ‘Alaihi al-Salām Wulida Ṣoifan la Shitā'an. Wa al-Raddu ‘alā al-Qāilīn Biwilādatihī Shitā'an Min al-Muslimīn: Mufassiruhum Wamu'arrikhīhim Wa Min al-Naṣārā,* karangan ‘*Ādil bin ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Alī al-Julaifī.* Kajian ini telah membahaskan tentang penggunaan takwim Hijri dan perbandingannya dengan takwim Gregory. Pengkaji telah menafsir serta menghurai ayat al-Quran berkaitan kelahiran Nabi Isa A.S. Kajian ini mendapati bahawa Nabi Isa A.S dilahirkan pada musim panas. Sungguhpun kajian ini menyeru masyarakat untuk menggunakan takwim Hijri, tetapi ianya tidak menyatakan terhadap kemungkinan penggunaan takwim Hijri dalam industri takaful.

Karya lain yang membahaskan tentang penggunaan takwim Hijri ini termasuklah "*Takwim Hijriah Khairiah"* yang dikarang oleh Haji Md. Khair Haji Md. Taib yang mengkaji kesan takwim terhadap pertanian dan musim-musim berkaitannya. Beliau membahaskan tentang penggunaan takwim berkaitan peredaran musim dalam pertanian di negeri Kedah Darul Aman. Beliau juga telah menyusun kembali takwim Hijri bermula dari 055 sebelum hijrah sehingga Tahun Hijrah 1500. Kajian ini telah memudahkan petani-petani dalam Negeri Kedah menyesuaikan aktiviti pertanian mengikut musim-musim tertentu. Manakala Radzuan Nordin telah menjalankan satu kajian PHD berkaitan takwim dalam tesisnya bertajuk *"Pembentukan Takwim Hijri Berdasarkan Hilal Dan Kepentingannya Terhadap Permasalahan Fiqh Di Malaysia"*. Kajian ini lebih tertumpu untuk melihat hilal dan takwim dari perspektif fiqh. Pengkaji telah mengkaji dari sudut pembayaran zakat, pengiraan kesahihan anak yang dilahirkan di luar nikah dan juga pengiraan *'iddah* wanita. Dalam kajian ini, beliau telah menceritakan tentang takwim Islam, kebaikan dan juga implementasi dalam ruang lingkup fiqh hukum. Beliau juga ada menyebut tentang penggunaan takwim Islam dalam bidang muamalat iaitu zakat, tetapi tidak menyentuh aspek takaful serta mengkaji kemungkinan potensinya jika dilaksanakan dalam industri takaful.

Sebuah kajian peringkat sarjana iaitu *Aḥkām al-Ahillah wa al-āthār al-Mutarattabah 'Alaihā* yang dikaji oleh Ahmad Abdullah al-Fariḥ juga dijadikan rujukan dalam kajian ini. Pengkaji telah mengkaji hubungan hilal dengan hukum Islam semasa dari sudut fiqh dan fatwa dan kesannya dalam hukum syarak. Beliau mengkaji kesan tersebut dalam masalah fiqh ibadat, *fiqh al-usrah,* fiqh muamalat dan juga *fiqh al-aimān wa al-nudhur wa al-kaffārāt.* Pengkaji hanya mengkaji secara

umum dengan meletakkan pendapat perbahasan empat mazhab dalam masalah yang dibawa. Perbahasan meliputi perbahasan hukum dan tidak menyentuh perbahasan yang merangkumi hukum takaful atau kajian dalam aspek kesannya dari sudut kemungkinan menggunakan takwim Hijri dalam masalah takaful am.

Sekumpulan penyelidik dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia yang diketuai oleh Tono Saksono *et.al* telah mengkaji beberapa kajian tentang potensi penggunaan takwim Hijri dalam industri ekonomi di dunia. Kajian mereka berkisar tentang potensi terpendam dalam penggunaan takwim Hijri. Antara tajuk kajian mereka ialah "*Undisclosed Potential of zakat Payment Deficit*" dan *"Undisclosed Potential of Muslim's Contribution to Global Economy Development"* di mana kedua-dua kajian ini telah mengupas potensi terpendam kesan daripada meninggalkan jumlah peratus zakat mengikut takwim Hijri. Pengkaji mengkaji kesan zakat dalam industri penjanaan elektrik, minyak, gas, emas, perak dan bahan mentah dan mendapati kerugian melebihi USD 9 bilion jika umat Islam meninggalkan pengiraan berpandukan takwim Hijri[17]. Tono Saksono juga pernah membentangkan kertas kerja berkaitan potensi takwim Hijri ini yang bertajuk *"An Accurate Islamic Calendar for A Flawless Islamic Capital Market"* yang membuktikan kerugian zakat menurut kepatuhan syariah sehingga USD 10 trilion jika potensi penggunaan takwim Hijri diabaikan. Namun beliau tidak mengkaji kemungkinan penggunaan takwim Hijri dalam industri takaful.

[17] Kedua-dua kajian ini boleh dilihat dalam Tono Saksono and David Martin, "Undisclosed Potential of Zakat Payment Deficit." dan jurnal David Martin @ Daud Juanil and Noor Sharipah Sultan Sidi Tono Saksono, "Undisclosed Potential of Muslims' Contribution to Global Economy Development," *International Journal of Trade, Economics and Finance* 2, no. 6 (2011): 455–461, doi:10.7763/IJTEF.2011.V2.148.

Antara kajian lain tentang kesan takwim Hijri ini ialah kajian yang telah dilakukan oleh Noor Waheeda binti Mohamad Tahir iaitu *"Kemeruapan dan Kesan Bulan Ramadhan di Bursa Malaysia"*, Khalil Khoury Michael Grun Rehomme dan Amani Ben Rejeb "*The Amman Financial Market-Institutional Features and Calendar Effects"*dan Michael Grun Rehomme dan Amani Ben Rejeb yang bertajuk "*Modelling Moving Feasts Determined by the Islamic Calendar Application to Macroeconomic Tunisian Time Series"*. Ketiga-tiga kajian ini berkisar tentang pengaruh dan kesan takwim Hijri dalam bidang ekonomi. Pengkaji pertama mengkaji kesan bulan Ramadan di Bursa Saham Malaysia. Pengkaji kedua pula mengkaji kecairan dan kelancaran pasaran saham Amman di mana institusi kewangan beroperasi mengikut takwim Hijri secara mingguan, bulanan, tahunan dan juga kesan pada hari cuti di Negara Jordan. Manakala pengkaji ketiga mengkaji pengaruh dan aktiviti ekonomi di Tunisia dan menjelaskan takwim Hijri adalah lebih pendek berbanding takwim Gregory serta pengaruhnya dalam masa cuti. Ketiga-tiga kajian berkisar tentang penggunaan takwim Hijri dalam bidang ekonomi dan tidak menyentuh aspek takaful dan kemungkinan penggunaan takwim Hijri dalam industri takaful di Malaysia.

Bagi mengukuhkan lagi ulasan pengkajian ini, pengkaji juga tidak ketinggalan dalam melihat karya-karya yang berkaitan takwim yang diulas secara umum untuk mendapat gambaran lebih jelas tentang teori dan kemungkinan penggunaan takwim Hijri. Antara karya yang dirujuk pengkaji ialah *"Perhitungan Penanggalan Islam"* yang dikarang oleh H. Ismail Noer, *"Ilmu Falak Perjumpaan Khazanah Islam dan Sains Moden"* karangan Prof Dr.Susiknan Azhari, buku yang bertajuk *"Sistem takwim Islam dari Perspektif Astronomi"* karangan Prof. Dr.

Mohammad Ilyas, buku *"al-Taqāwīm"* karangan Muḥammad Muḥammad Fayāḍ dan juga sebuah jurnal yang ditulis oleh Susiknan Azhari dan Ibnor Azli Ibrahim bertajuk *"Takwim Jawa Islam: Memadukan Tradisi dan Tuntutan Syar'i"*, buku berkaitan takwim iaitu *al-Ta'rīkh al-Hijrī (Asāsuhu,Ḥukmuhu,Makānatuhu 'Inda al-Ummah al-Islāmiyyah, al-'adāulahu)* karangan *Zaid bin 'Abd al-Karīm al-Zaid.* Kesemua kajian ini telah membahaskan berkaitan perbandingan takwim Hijri-Gregory, penggunaan takwim Hijri, teori dan juga gambaran umum berkaitan takwim Hijri dan Gregory. Mereka menyebut tentang penggunaan takwim Hijri dalam bidang ekonomi secara umum serta menyatakan bahawa takwim Hijri perlu dikaji lebih mendalam.

Dalam bidang ekonomi serta takaful pula, pengkaji mendapati terdapat beberapa rujukan yang sesuai untuk dijadikan ulasan literatur ini. Antaranya ialah laporan tahunan yang dikeluarkan oleh *Islamic Development Bank* (IDB)[18]. *Islamic Development Bank* (IDB) telah membangunkan pengiraan laporan tahunan mereka berdasarkan takwim Hijri sejak sekian lama. Tetapi mereka tidak mengkhusus kepada kajian terhadap takaful am seperti yang akan dikaji pengkaji. Penulisan-penulisan lain termasuklah *"Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia"* karangan Prof. Ab. Mumin Ab. Ghani, *"Sistem Takaful di Malaysia Isu-Isu Kontemporari"* karangan Asmak Ab. Rahman *et al.* dan juga *"Islamic Insurance [Takaful]"* karangan Mohd Ma'sum Billah. Mereka juga membincangkan berkenaan takaful secara umum dan pengkaji perlu menggabungkannya dengan kemungkinan penggunaannya berdasarkan pengiraan dalam takwim Hijri.

---

[18] Islamic Development Bank, "Annual Report," dicapai pada 6 April, 2014, http://www.isdb.org/irj/portal/anonymous?NavigationTarget=navurl://96d97a5309160dc3af80a8b1744db35a.

Sebuah kajian peringkat sarjana yang mengkaji tentang pengiraan takaful ialah Sistem Tarif Dalam Insurans Kenderaan Bermotor: Analisis Dari Perspektif Hukum. Pengkaji telah menganalisis penetapan penggunaan tarif kenderaan bermotor dari aspek hukum, keperluan penggunaan dan kesesuaian setempat. Pengkaji mendapati penggunaan tarif dalam takaful motor tidak menyalahi syarak. Disertasi ini dikaji di Universiti Malaya melalui Jabatan Fiqh dan Usul.

Selain itu pengkaji juga telah melakukan tinjauan terhadap jurnal yang berkaitan pengiraan takaful motor dengan melihat kepada kajian yang dilakukan oleh Paavo Pikanen[19] bertajuk The Tariff dalam *The Astin Bulletin In Non-Life Insurance And Risk Theory*. Pengkaji telah mendatangkan beberapa formula untuk tujuan pengiraan. Kajian ini digunakan secara umum untuk mengetahui pengiraan premium.

Bagi merealisasikan dan membuktikan bahawa takwim Hijri mempunyai potensi, implikasi dan kemungkinan penggunaannya dalam industri takaful, maka pengkaji telah mengenalpasti beberapa metodologi dalam menghasilkan kajian ini.

1.8 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang berkesan adalah amat penting untuk menghasilkan sebuah kajian yang baik. Beberapa metodologi kajian digunakan bagi mencapai objektif yang digariskan di peringkat awal kajian. Metodologi yang digunakan dipecah kepada dua iaitu pengumpulan data dan penganalisisan data.

---

[19] Paavo Pitkanen, "Tariff Theory," *International Journal For Actuarial Studies In Non-Life Insurance And Risk Theory* VIII, September (1975): 204–228.

1.8.1 METODOLOGI PENGUMPULAN DATA

1.8.1.1 METODE KAJIAN PERPUSTAKAAN

Penggunaan metode kajian perpustakaan bermakna dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah pergi ke beberapa buah perpustakaan untuk mendapatkan maklumat serta bahan-bahan kajian yang diperlukan. Pengkaji menggunakan metode ini dalam bab dua, bab tiga dan bab empat.

1.8.1.2 METODE HISTORIS

Penggunaan metode ini di dalam kajian, akan membantu pengkaji untuk mengemukakan sejarah berkaitan perkembangan takwim Hijri dan takwim Gregory yang merangkumi sejarah awal pelaksanaan kedua-dua takwim tersebut dan perkembangannya. Metode ini digunakan dalam bab dua.

1.8.1.3 METODE TEMU BUAL

Metode temu bual merupakan kaedah yang digunakan untuk mendapat data dan maklumat kajian terus daripada responden kajian. Proses temu bual dilakukan secara langsung melalui pertemuan dua mata, atau melalui alat perhubungan seperti telefon dan perbualan melalui internet.[20] Antara responden yang telah ditemubual semasa kajian ini dilakukan adalah seperti berikut:

---

[20] Mok Soon Sang et al, *Literatur Dan Kaedah Penyelidikan* (Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd, 2009).211-214.

1. En. Ab. Latiff Abu Bakar. (Ketua Pegawai Eksekutif Takaful Ikhlas Sdn. Bhd, merangkap pengerusi MTA)

2. Nor Ailis Sumedi, (Timbalan Presiden Takaful Ikhlas Bahagian Aktuari Motor)

3. Zaifizar Zainal Abidin (Pengurus Aktuari Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.)

4. Mohd Fauzi Yaakob (Eksekutif *General Non Motor Underwriting)*

5. Profesor Dr. Susiknan Azhari (Profesor Syariah, UIN Sunan Kalijaga, Yogyakarta)

6. Nik Mustapha Nik Mohamad (Ketua Perunding Takaful Berdaftar (Registered Financial Consultant (US)) berpengalaman selama 41 tahun dalam industri takaful dan insurans. Beliau juga telah dilantik sebagai konsultan takaful bagi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian dalam Negeri (KDN))

7. Mohamad Sawal Muda (Pengurus bahagian *Corporate and Broking* Hong Leong MSIG Takaful Berhad)

Melalui metode ini, pengkaji juga telah melakukan temubual melalui emel untuk mendapat maklum balas daripada responden seperti berikut:-

1. Jaslina Abdullah (Eksekutif Pengunderaitan Motor *(Motor Underwriting))* Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

2. Profesor Madya Dr. Tono Saksono (Profesor Madya di Universiti Tun Hussain Onn, Batu Pahat).

1.8.2 METODOLOGI ANALISIS DATA

1.8.2.1 METODE INDUKTIF

Dalam pendekatan induktif proses pemahaman masalah kajian atau mencari penyelesaiannya berlaku secara generatif atau berterusan di mana maklumat dikumpul dan terus dikumpul sehingga terjelas masalah itu atau dirumus penyelesaiannya.[21] Kaedah ini berdasarkan kepada membuat kesimpulan daripada maklumat khusus kepada umum[22]. Di dalam ilmu usul al-fiqh kaedah ini dinamakan kaedah *istiqrā'*[23] Pengkaji memulakan kajian dengan data yang terhad dan berasingan, kemudian meneliti, mengkaji, mendalami serta mengumpul untuk mendapat kefahaman yang mendalam supaya masalah yang dikaji jelas difahami. Metode ini digunakan dalam menganalisis data bab kedua, bab ketiga dan bab keempat iaitu berkaitan dengan perbandingan takwim, konsep takwim, dan data-data yang berkaitan dengan sistem takaful. Metode ini dianalisis dengan melihat kepada bahan sekunder seperti buku, kajian ilmiah dan kertas-kertas kerja seminar.

1.8.2.2 METODE DEDUKTIF

Dalam masalah deduktif pula pengkaji menggunakan teori yang ada untuk menyelesaikan masalah. Melalui kaedah deduktif kesimpulan atau rumusan dibuat

---

[21] Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam* (Sri Elila Enterprise, 2009).101
[22] Sidek Mohd Noah, *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori Dan Praktis* (Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia, 2009).5.
[23] Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam* (Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn. Bhd, 2009).82.

daripada maklumat atau fakta yang ada[24]. Dalam ilmu usul al-Fiqh kaedah ini dikenali sebagai kaedah *istinbāṭ*[25]. Justeru data-data takaful yang berkaitan dengan takaful motor komprehensif dianalisis untuk menghasilkan satu keputusan yang tepat dan padat untuk kegunaan takwim Hijri. Pengkaji menggunakan kaedah ini dalam bab empat.

1.8.2.3 METODE PERBANDINGAN

Kaedah perbandingan adalah cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap data-data yang diperolehi[26]. Data-data yang diperolehi akan dianalisis supaya mendapat keputusan yang tepat. Kaedah ini digunakan untuk menganalisis perbandingan antara takwim Hijri dan juga takwim Gregory. Selain itu, kaedah ini digunakan unuk membandingkan pengiraan matematik dengan mengambil kira tarif yang diberikan oleh responden dalam temubual yang dijalankan untuk mendapat objektif yang tepat. Dalam metode ini juga pengkaji menggunakan perisian excel yang dibekalkan oleh syarikat Takaful Ikhlas Sdn Bhd kepada pengkaji. Pengkaji merumuskan formula antara takwim Hijri dan takwim Gregory seperti dalam persamaan berikut :-

$$\frac{y}{365} x\ 354$$

Di mana y = nilai sumbangan takaful mengikut kalendar Gregory

365 = jumlah hari dalam takwim Gregory

354 = jumlah hari dalam takwim Hijri

---

[24] Sidek Mohd Noah, *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori Dan Praktis*.5.
[25] Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*.82. Louy Safi, *Asas-Asas Ilmu Pengetahuan: Satu Kajian Perbandingan Kaedah-Kaedah Penyelidikan Islam Dan Barat* (Kuala Lumpur: The International Institut of Islamic Thought, 1998).40.
[26] Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah Amalan Dalam Pengajian Islam*.32

1.9 SISTEMATIKA PENGKAJIAN

Kajian ilmiah ini didahulukan dengan **Bab Pertama** di mana di dalam bab ini pengkaji akan menerangkan latarbelakang masalah kajian, masalah kajian, kepentingan kajian, skop kajian, dan metode yang digunakan dalam menyiapkan kajian ini.

Bab Kedua, pengkaji akan menyentuh aspek takwim Hijri keseluruhan di mana pengkaji akan meneliti dan memberi gambaran sebenar tentang perbezaan antara takwim Hijri dan Gregory.

Bab Ketiga, pengkaji akan menyentuh aspek takaful keseluruhan iaitu merangkumi operasi takwim yang digunakan di Syarikat Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. (TISB).

Bab Keempat, pengkaji akan menganalisis kajian ini sepenuhnya. Pengkaji akan membandingkan data-data yang diperolehi, memproses, menganalisis serta menghuraikan implikasi dan potensi takwim Hijri keseluruhannya.

Bab Kelima, iaitu bab terakhir dalam kajian ini. Pengkaji akan mengemukakan cadangan dan penambahbaikan dalam kajian ini agar kajian ini boleh disambung oleh generasi seterusnya.